



Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. ()  
Tarikh : 13 September 2022

## SIARAN MEDIA

### STATUS SEMASA PEMBINAAN OFFSHORE PATROL VESSEL (OPV) AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (MARITIM MALAYSIA)

**PUTRAJAYA, 13 September** - Tiga buah Kapal Peronda Luar Persisir (OPV) milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yang sepatutnya diterima pada 2020 masih sedang dalam pembinaan oleh syarikat tempatan iaitu THHE Destini Sdn. Bhd. yang terletak di Pulau Indah.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara sebelum ini, turut menyumbang kepada kelewatan penyerahan kapal-kapal tersebut kepada pihak Maritim Malaysia.

Kapal OPV 1 yang sepatutnya dilancarkan ke air pada hari ini iaitu 13 September 2022 masih gagal dilakukan kerana kapal masih tidak berjaya dibawa ke lokasi pelancaran.

Syarikat akan mengubah kepada cara pelancaran daripada *Launching Cradle* kepada sistem pelancaran Air Balloon dan ia dijangka direalisasikan pada 10 Oktober 2022 ini.

Sekiranya semua berjalan dengan lancar dan jika pelancaran ini dapat direalisasikan pada tarikh tersebut, besar kemungkinan untuk kapal OPV 1 dapat diserahkan kepada pihak Maritim Malaysia pada awal tahun 2023.

Manakala kapal seterusnya iaitu OPV 2 dan OPV 3 akan diserahkan secara berperingkat.

Adalah besar harapan agensi ini agar ketiga-tiga kapal dapat disiapkan dan diserahkan kepada pihak Maritim Malaysia dengan kadar segera walaupun ianya telah 2 tahun melewati dari tarikh asal penyerahan.

Ketiga-tiga kapal OPV ini amat diperlukan oleh pihak Maritim Malaysia pada masa kini bagi menguatkuasakan undang-undang di dalam perairan negara.

**LAKSAMANA MARITIM DATO' MOHD ZUBIL BIN MAT SOM  
KETUA PENGARAH  
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

**- TAMAT-**

---

Sebarang pertanyaan, sila hubungi;  
Unit Komunikasi Korporat Maritim Malaysia,  
Pn Faridah binti Shuib  
Tel: 019-2188001  
Emel: [faridahs@mmea.gov.my](mailto:faridahs@mmea.gov.my)

Pn. Iklil Fatihah binti Kamal Redzuan  
Tel: 019-7107479  
Emel: [fatihah@mmea.gov.my](mailto:fatihah@mmea.gov.my)